

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID  
Tajuk : UPACARA PERASMIAN WAKTU STANDARD MALAYSIA  
Lokasi : SIRIM  
Tarikh : 06-04-1993

Sains pengukuran atau dengan tepatnya "metrologi" memainkan peranan yang besar dan penting dalam perkembangan industri terutamanya dalam penyelidikan dan juga pengawalan kualiti. Asas kepada pengeluaran barangan atau produk yang berkualiti dan diterima oleh pembeli terutama pada peringkat antarabangsa adalah pengukuran yang tepat dan jitu. Saintis Inggeris yang terkenal, Lord Kelvin, pernah berkata, When you can measure what you are speaking about and express it in numbers, you know something about it, and when you cannot measure it, when you cannot express it in numbers, your knowledge is of a meagre and unsatisfactory kind.

Dengan pertumbuhan yang pesat di sektor perindustrian dan bertambahnya industri-industri yang berteknologi tinggi yang memberi penekanan yang lebih terhadap aktiviti penyelidikan dan pembangunan, maka keperluan untuk merujuk kepada berbagai standard pengukuran adalah sesuatu yang wajib demi menjamin kualiti produk yang dihasilkan. Setiap negara memerlukan satu badan yang menyimpan dan menyelenggarakan standard-standard fizikal dalam bidang pengukuran untuk negara tersebut. Badan tersebut seterusnya memastikan kesahihan standard-standard kebangsaan tersebut dengan kaedah perbandingan dengan standard-standard yang serupa di negara-negara lain. Pusat Pengukuran Kebangsaan seperti yang ada di SIRIM adalah merupakan satu elemen yang penting didalam infrastruktur pembangunan ekonomi negara kita.

Dalam kehidupan biasa seharian, kita melakukan berbagai aktiviti pengukuran. Kita senantiasa mendapati keperluan untuk menilai benda-benda, fenomena, dan proses dalam persekitaran kita secara kuantitatif. Kaedah tunggal untuk memperolehi maklumat kuantitatif yang objektif mengenai dunia nyata ini adalah melalui pengukuran.

Misalnya, apabila kita bangun dari tidur, kita akan menguji samaada air dibilik mandi kita sejuk atau sebaliknya, begitu juga apabila kita mengambil sarapan pagi, kita akan uji sama ada air kopi yang dihidangkan terlalu panas atau boleh terus diminum. Kemudian kita akan melihat jam tangan sama ada sampai waktu untuk berlepas ke pejabat. Di dalam perjalanan, kita sering melihat kepada meter kelajuan kereta, kadangkala melihat secara imbas segala meter petunjuk keadaan suhu, petrol kenderaan kita dan lain-lain lagi. Seterusnya apabila tiba di pejabat, perakam waktu akan merekodkan waktu kehadiran kita di pejabat.

Di negara-negara perindustrian yang maju, penggunaan waktu dan pengukuran masa diberi perhatian yang serius. Contoh yang terbaik yang sering disebut-sebutkan ialah perkhidmatan pengangkutan awam dinegeri Jepun seperti keretapi dan bas yang sentiasa beroperasi tepat pada waktunya. Ini memudahkan orang ramai merancang jadual kegiatan seharian mereka. Dalam penyelidikan fizik nukleus pula, pengukuran masa yang terlalu singkat tetapi tepat diperlukan hingga ke tahap femtosaat (10<sup>-15</sup>) atau pun 0.000 000 000 000 001 saat. Begitu juga halnya dengan satelit yang dihantar untuk menerokai angkasa lepas, ianya dikawal dengan menghantar isyarat radio yang tepat pada waktunya.

Allah Subhanahu Wata'ala telah memperuntukkan satu Surah khas (Surah Al-'Asr) mengenai masa. Ini menunjukkan betapa pentingnya masa itu kepada manusia. Agak jelas dari maksud Surah yang amat ringkas ini bahawa masa itu merupakan salah satu ciptaan Allah yang sangat unik. Tiap-tiap orang ketahui serba sedikit tentang "masa" ini tetapi tidak ramai pula yang boleh menjelaskan tentang kepentingannya. "Masa" ini berjalan terus tanpa berhenti dan tidak ada satu makhluk lain pun yang boleh mengatasi ciptaan yang amat unik ini.

Misalnya, jika kita ingin berlumba dengan masa, kita pasti akan kalah kerana masa itu merentasi segala makhluk yang berbentuk material. Itulah sebabnya, Allah Subhanahu Wata'ala dengan jelas menyatakan bahawa Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar- benar berada dalam kerugian.

Untuk mengelakkan diri kita dari mengalami kerugian yang amat pasti ini, Allah Subhanahu Wata'ala

telah mengajar kita supaya sentiasa "beriman dan mengerjakan kebaikan dan sentiasa saling menasihati kepada kebenaran dan kesabaran. Pengajaran ini membuktikan bahawa kita hanya boleh mengatasi masa atau mengelakkan kerugian ini melalui kekuatan rohani serta melakukan perkara-perkara yang baik.

Oleh hal yang demikian, amalan-amalan seperti membiarkan masa berlalu tanpa sebarang usaha yang berfaedah atau menundakan tugas sehingga waktu terakhir adalah amalan-amalan yang pasti merugikan. Pertama, masa yang sudah berlalu itu tidak akan boleh kita dapatkan kembali. 6 April 1993 tidak akan datang lagi, walaupun 6 April akan berulang pada tahun 1994, 1995 dan seterusnya, tetapi 6 April 1993 tidak sama dengan 6 April 1994 atau 1995. Kedua, harta yang kita hilang boleh kita ganti tetapi masa yang telah hilang tidak boleh kita ganti lagi. Ketiga, masa itu sendiri amat sukar kita ramalkan. Kita tidak tahu apa akan jadi pada masa akan datang, sehingga nyawa kita sendiri pun kita tidak tahu bilakah akan habis.

Konsep menepati waktu adalah suatu konsep yang terdapat dalam kehidupan seorang Islam sehari-hari, kerana ia harus menunaikan fardhu sembahyang yang lima waktu. Maka waktu sembahyang itu seharusnya dijadikan paksi kepada jadual tindakan kita sehari-hari. Iaitu, dalam membuat sesuatu perancangan atau program harian, kita harus menetapkan waktu sembahyang dahulu sebelum kita menetapkan program lain. Amalan ini amat penting bagi kita untuk menyedari tentang perlunya waktu itu ditepati.

Peter Drucker di dalam bukunya *The Effective Executive* menyatakan bahawa : *Effective executives, in my observation, do not start with their tasks. They start with their time.*

*And they do not start out with planning. They start by finding out where their time actually goes. Then they attempt to manage their time and to cut back unproductive demands on their time. Pemerhatian tersebut adalah juga benar bagi semua individu yang mementingkan keberkesanan dalam kerjayanya. Setiap individu mestilah menumpukan masanya kepada tugas-tugas yang penting. We need to have a sense of what our time is worth for others to value our time.*

Pembaziran masa oleh pegawai dan staf di sesuatu agensi akan mengakibatkan kerugian kepada jabatan berkenaan. Sebagai contoh, sekiranya sebuah pejabat mempunyai seramai 10 staf dan setiap mereka membazir selama 30 minit sehari iaitu selama 15 minit untuk sarapan pagi dan 15 minit lagi diguna untuk persiapan sebelum balik ke rumah atau membuat panggilan telefon peribadi; ini bermakna dalam sebulan pejabat akan mengalami kerugian lebih dari 5 hari bekerja.

Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menguruskan masa bekerja dengan berkesan bagi menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti. Seseorang staf perlulah mendisiplinkan dirinya dalam pengurusan masa iaitu :

- (i) menetapkan had masa untuk menyiapkan sesuatu kerja;
- (ii) menetapkan matlamat prestasi kerja harian;
- (iii) merekod penggunaan masa harian;
- (iv) menetapkan anggaran kecekapan penggunaan masa berdasarkan matlamat prestasi yang ditetapkan. Dalam melaksanakan perancangan kerja, seseorang staf perlu mengambil ingatan empat perkara:
  - (i) pelan kerja sentiasa dikemaskini;
  - (ii) pelaksanaan kerja dijadualkan mengikut keutamaan;
  - (iii) jangan terlebih dahulu memberi tumpuan kepada masalah remah temeh; dan
  - (iv) meneliti pelan kerja untuk menentukan bahagian-bahagian yang boleh diserahkan kepada staf lain

yang lebih rendah.

Gangguan-gangguan awam hendaklah dikawal termasuklah melayani pelawat- pelawat yang tidak rasmi, panggilan telefon, peribadi, dan kerja-kerja lain yang tidak penting. Kefahaman secara teori mengenai pengurusan masa sahaja tidak memadai untuk membantu menanam amalan ini di semua peringkat organisasi. Sejajar dengan pengetahuan mengenai pengurusan masa, adalah juga penting untuk mendisiplinkan diri bagi mengamalkannya dalam kehidupan harian. Penyerapan disiplin ini adalah berkait rapat dengan nilai seseorang terhadap masa. Semua ahli di dalam satu-satu organisasi mestilah menanamkan budaya kerja yang memberi keutamaan terhadap masa. Dalam budaya kita tidak sepatutnya wujud perkataan seperti Malaysian time yang berkait dengan ketidak tepatan temujanji. When a head of department practises time management, the rest of our staff will conform to his schedule.

Dalam ertikata lain, penggunaan waktu yang tepat adalah satu keperluan untuk sebuah masyarakat yang moden. Ianya adalah sebagai penunjuk kepada kemajuan dalam sains dan teknologi dan kepada tahap kualiti hidup rakyat sesebuah negara. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah membuat keputusan untuk melantik SIRIM sebagai Penyimpan Waktu Standard Malaysia. Sebagai penyimpan, adalah menjadi tanggungjawab SIRIM untuk mengendalikan sistem ini dengan cermat, teliti dan penuh perhatian kerana ianya menjadi satu-satunya sumber rujukkan yang unggul dinegara kita.

Dalam hubungan yang sama, kerajaan telah menetapkan agar Waktu Standard Malaysia yang disebarkan untuk umum melalui media masa, terutama television dan radio, atau mana-mana cara lain seperti sistem telefon, dirujuk kepada sistem yang diselenggarakan oleh SIRIM ini. Dengan cara ini, buat pertama kalinya akan wujud satu sistem penyelarasan waktu bagi negara kita.

Dengan itu, saya pada detik yang amat bermakna ini, dengan sukacitanya dan secara rasmi melancarkan Waktu Standard Malaysia.